- 1:08:02 : Sebuah institusi yang tidak menjadi kukuh hanya kerana usianya yang panjang. Sebaliknya ianya akan mengukuh kerana kesanggupan untuk berubah. Bercakap pasal perubahan, suka juga saya nak kongsilah. Kami di AGD ini, teknologi dan AGD berpisah tiada. Untuk makluman anak-anak dan juga prof, kami di Jabatan Akauntan Negara telah mengadaptasikan teknologi ini di dalam pengurusan perakaunan. Meaning kita punya accounting sistem kita telah pun menggunapakai sistem itu seawal 1987. Kami di AGD telah mengguna sistem perakaunan yang digital.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:09:03 : Masa itu menggunakan platform Oracle, 1987 sehingga 2006. Kami menggunakan sistem yang dia punya platformnya adalah Oracle yang kita namakan BAS. Branch Accounting System, dia dah automate, maksudnya computerize. Sebahagianlah tak, keseluruhan dimana tak ada lagi manual di dalam nak mengeluarkan bayaran tersebut. Dia masih half manual, half automate. Half manual itu maksudnya di peringkat jabatan atau kementerian, mereka menyediakan voucher bayaran itu secara manual dan bersama dengan dokumen sokongan. Mereka akan bawa voucher itu ke AJ office, sama ada di setiap negeri masing-masing ataupun di kementerian masing-masing.
- 1:10:12 : Mereka bawa dokumen itu secara manual dan AJ akan mengunci masuk dia dalam sistem dan pemeran akan dibuat dan esoknya akan di print check, masa itu masih lagi check dan proses ini at least kita boleh dari segi pelaporannya kita boleh extract laporan itu daripada sistem. Dan semakannya dibuat berdasarkan kepada apa yang dikunci masuk lah. Dan evolusi itu terus berubah. Pada tahun 2006 kita telah menukar platform daripada Orca kepada SAP. Saya dengar Tuan Faisal ada cakap dia pernah release dalam SAP kan. Jadi kami guna platform SAP pada 2006, masa itu di peringkat AJ office. Kita gunakan platform AGD, tetapi di peringkat jabatan dan PTJ mereka menggunakan ESPKB. Different system integrate dengan sistem kami ni dikenali dengan nama GFMS jugalah.
- 1:11:29 : Kalau sekarang tambah I di depan. Dulu GFMS, Government Financial Accounting System. Sehingga tahun, kami menggunakan GFMS sehingga tahun 2018 bermula hingga sekarang kami menggunakan IGFMS. Platform yang sama, cuma apa bezanya? Bezanya IGFMS ini dia menggunakan satu platform sahaja iaitu SAP. Daripada jabatan yang menyediakan voucher sehingga kepada kami yang memproses bayaran.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:12:02 : Satu platform sahaja but satu lagi features yang ada dalam IGFMAS ini adalah dual accounting ledger. Kami berupaya, sistem kami IGFMAS itu berupaya mengeluarkan pelaporan secara cash basis dan juga accrual basis ini pun saya bangga dengan sistem kami. Sebab tak ada dalam dunia ini yang ada sistem macam kami ada, tak ada. Saya pernah pergi ke Canada, mereka telah melaksanakan accrual accounting dah lama tetapi mereka tak ada integrated system, sama macam apa yang kami develop. Sistem yang ada pada mereka pada waktu itu, saya pergi 2016. Pada waktu itu mereka setiap kementerian, ministry itu mempunyai sistem masing-masing.
- 1:12:55 : Pada akhir bulan, mereka akan hantar pelaporan itu ke AGD mereka untuk debat konsolidasi secara manual, sebab dia tidak berintegrasi secara tarik data. Dia akan hantar, hantar itu tak adalah manual, hantar itu through system, kita consider sebagai bukan 100% sistem sebab dia different system. Dia integrate menggunakan satu platform mungkin satu dia panggil apa, borang yang sama. Tatacara, format yang sama dan mereka berupaya mengeluarkan, consolidated financial statement selepas a few months. At least 2 atau ke tiga bulan, whereas kami di AGD sekarang ni kami boleh mengeluarkan financial statement itu pada bulan yang sama. Kita closing end of the month, bulan depan kita dah boleh prepare financial statement, cash dan juga accrual.
- 1:14:04 : Itu perkongsian. Sistem perakaunan sektor awam di Malaysia telah melalui satu evolusi yang significant seperti yang saya sebut tadi dan transformasi kepada perakaunan berasaskan akruan merupakan satu perkara penting selaras dengan perkembangan amalan terbaik di peringkat antarabangsa dalam memperkukuhkan sistem pengusahaan keuangan sektor awam. Daya usaha ini merangkumi transformasi sistem perakaunan kerajaan, pelaksanaan piawaian perakaunan antarabangsa, serta pemodenan sistem pengusahaan keuangan melalui penggunaan teknologi digital. Itu yang saya sebut tadi itu, kita transform sistem yang sedia ada kepada sistem yang berupaya untuk mengakaunkan secara akur dan juga dari segi standard piawaian.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:14:57 : Kami AGD telah membangunkan dan mengeluarkan piawaian perakaunan sektor awam Malaysia ataupun MPSAS. Malaysian Public Sector Accounting Standard, yang mana kita adaptasikan MPSAS ini daripada piawaian perakaunan sektor awam antarabangsa IPSAS yang diterbitkan oleh IFAC. Pembangunan MPSAS ini untuk memastikan pelaporan keuangan kerajaan mencapai standard yang bertaraf dunia dan meningkatkan tahap ketelusan, kebolehbandingan dan credibility laporan keuangan sektor awam.
- 1:15:45 : Namun adaptasi piawaian ini bukan sekadar menggunakan sepenuhnya piawaian antarabangsa tetapi kita turut mengambil kira keperluan. Keperluan perundangan semasa dalam negara, juga struktur pentadbiran serta persekitaran operasi sektor awam di Malaysia. Maknanya kita adaptasikan daripada IPSAS itu dan kita sesuaikan dengan kehendak kita di Malaysia termasuk juga dari segi perundangan dan bagi strategi piawaian daripada keseluruhan 50 IPSAS yang sedia ada. Sebanyak 37 IPSAS itu telah di adapt kepada MPSAS dan telah berkuasa dan digunapakai. 9 lagi IPSAS dalam proses pemakaian dan 4 IPSAS yang tidak diterima.
- 1:16:40 : Sebab dia tak suka dengan kita, kita tak adapt lah sebab dia keseluruhannya 50. Kalau nak tengok dari segi, kalau tanya sayalah, memang kita telah pun mengamalkan perakaunan akurannya. Sebab bila kita buat pelaporan, bila kita buat perolehan dan sebagainya. Pelaporan ataupun pembayaran, kita kunci masuk perolehan-perolehan tersebut. Kita telah menggunakan konsep akur sebab pelaporan yang keluar itu nanti kita boleh nampak berapa aset, berapa hasil belanja dan sebagainya. Kita ada coding yang boleh segregatkan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut. Sama juga hasil, kita boleh tahu, hasil daripada mana dan sebagainya dan kita sekarang ni, kita katakan kita di zaman pra-perolehan lah sebab selagi akta itu tidak dibentangkan di parlimen, tidak diluluskan. Kita, consider diri kita dalam pra-perolehan dan kita jadikan financial statement yang accrual itu.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:17:50 : Sebab sebenarnya kita, yang wajib yang kita keluarkan adalah cash report sahaja. Financial statement yang berasaskan tunai ubah suai sahaja sebab financial statement inilah yang kita tabel dekat parlimen semasa budget session pada bulan Oktober nanti. Itu sahaja yang wajib kita keluarkan tetapi since 2018, sistem kita berupaya untuk mengeluarkan accrual punya financial statement. So kita minta semua kementerian sebab kami di kementerian, semua kementerian kami ada bahagian account yang menguruskan terimaan dan bayaran di kementerian masing-masing. Jadi kami minta semua ketua accountant kementerian menyediakan report pelaporan secara accrual ini pun secara bulanan juga.
- 1:18:37 : Sebab untuk cash accounting ataupun pelaporan secara cash basis, kementerian tak buat. Yang buat hanya kami di AG office sahaja, sebab itu consolidation. Kita buat consolidation untuk semua tetapi untuk accrual basis financial statement itu, setiap kementerian kami minta diorang buatkan penyata kewangan masing-masing. On top of that kami di AG, boparlah yang bertanggungjawab untuk menyediakan financial statement secara accrual basis itu. Untuk yang consolidation menjadikan ia federal financial statement, untuk federal government. So yang ini pun kami produce secara bulanan dan kita hantar audit kan, kita hantar kepada Jabatan Audit Negara. Dan kami advise kan untuk kementerian dan juga kami di AG office mengguna pakai financial statement ini sebagai management report untuk membantu KSU dalam membuat keputusan lah sama ada dalam buat perancangan untuk budget, buat perolehan untuk mencapai KPI dan sebagainya.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:19:44 : So kami memang galakkan mereka mengguna pakai financial statement ini sebagai management report di peringkat kementerian masing-masing. Empat pendekatan pragmatik selain daripada memperkasakan pematuhan kepada piawaian dan polisi perakaunan, keduanya adalah dasar perakaunan kerajaan yang sentiasa dikemas kini bagi memastikan kesesuaian dan keperluan semasa melalui pendekatan kajian berterusan dibuat urus bersama pihak kepentingan serta penubuhan task based group, TBG mengikut isu teknikal yang khusus. Sebenarnya TBG ini, kami tubuhkan untuk memantapkan lagi isu-isu yang dihadapi semasa penyediaan financial statement. Contohnya yang terkini kita tengah buat perakaunan aset dan warisan.
- 1:20:56 : Untuk buat kajian, kita akan tubuhkan task based group dan pilih mana yang terbaik untuk dibuat pelaporan setiap aktiviti itu. Kalau kata dia specialised, saya rasa zaman saya dulu dia panggil specialised accounting which is dia specialised kepada satu-satu aktiviti. Kami di AGD gunakan TBG ini untuk menghuraikan ataupun untuk memantapkan aktiviti-aktiviti tersebut. Contoh tadi aset warisan, macam mana dia akan buat kajian penggunaan, dia akan buat perbandingan dengan luar negara dan sebagainya dan come up with satu yang dicadangkan sesuai untuk kita di sini.
- 1:21:44 : Begitu juga aset-aset environment, kita ada buat environment hutan dengan binatang. Biologi, aset biologi pun kita ada TBG juga. Sebab kita ada wildlife kan. Itu pun kita buat kajian juga dan untuk makluman juga (of course salah satu cabaran utama dalam kita melaksanakan perakaunan akuan ini, saya rasa kalau prof tengok dekat luar sana pun cabaran utama ni adalah pengumpulan data. Bagi aset awal dan liabiliti.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:22:27 : Aset dan liabiliti ini adalah cabaran utama sebab dia akan ambil masa years untuk nak, saya takut nak cakap, nak complete. Sebab kita tak tahu bila dia akan complete aset. Especially aset sebab aset ni dia duduk merata-rata dekat, contoh satu kementerian. Kementerian Keuangan, Kastam, aset dia merata-rata satu Malaysia. kalau tanya Kastam dekat HQ, dia tak tahu pun aset dia dekat mana. Yang tahu yang ada dekat state masing-masing. Itulah sebab dia kalau bangunan dan tanah tu mungkin adalah di dalam pelaporan, di jabatan siapa yang mengendalikan. JKPTG dia ada keseluruhan lah tapi di kementerian tu bahagian aset dia ada lah tapi tak complete juga. Bila kita check, tengok, bila semak dengan MyLand dekat jabatan tanah.
- 1:23:31 : MyLand punya figure lain, senarai lain, kita punya lain. So itu juga satu isu yang kita sekarang ni tengah buat untuk memastikan dua-dua laporan ini boleh disatukan, diselaraskan dua-dua ni. Sebab itu memang, isu itu memang, saya rasa isu aset tanah dan bangunan ini. Kita dah start membuat pengumpulan ini pada tahun 2014. Saya masih ingat waktu tu saya di Wisma Putra, kementerian luar negeri. Kita dah buat dah, kita dah sit down dah dengan JKPTG waktu itu. Tapi bila lately bila kita semak balik JKPTG, Cik Azman kata tak sama, dia cakap tak sama. So itulah cabaran kita dan kalau kita ikutkan akruan kan. Bila ada perubahan di dalam financial statement itu macam mana kita nak buat perubahan itu.
- 1:24:40 : PYA, prior adjustment kan. PYA kan, kita melalui PYA. Tapi because sistem kita belum lagi ready untuk PYA. Itu satu isu lah dan satu lagi, kita belum lagi melaksanakan. Kita cuma peringkat pra-preparation baru nak melaksanakan accrual accounting. So apa yang JKPTG buat sekarang ini untuk nak updatekan item-item yang ada di dalam financial statement yang dah kita migrate masuk awal tu. Ada yang kita nak betulkan, buat pembetulan, ada yang baru nak masuk.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:25:19 : So kita buatnya melalui data migration. Setiap tahun kita akan buat data migration lah, at least dua kali setahun. Kita buat data migration, sampai bila? Sampai bila? Persoalannya sampai bila? So kita ambil pendekatan that selagi kita tak dapat arahan untuk nak melaksanakan pelaksanaan akruan itu. Arahan dari segi pindaan akta itu lah. Once pindaan akta tu telah dipersetujui, kita consider kita dah boleh melaksanakan perlaksanaan akruan. Selagi itulah, kita cuba untuk nak memastikan acceptability ini. Nak kata selesai 100% saya takut nak cakap selesai. Sebab kita tak pasti bila dia akan selesai sepenuhnya. Tapi pada pandangan saya sehingga ke ari ini, saya rasa kita dah upaya capture more than 50% lah more than 50% tu I guarantee.
- 1:26:19 : Tapi nak kata 80%, 90% saya sendiri tak berani nak cakap. Sebab kita tak tahu berapa banyak lagi yang berada di luar sana. Unless kementerian tersebut dia boleh bagi proof, ini senarai semua harta yang saya ada dan JKPTG pun verify kan. Oh ya betul, itu dia punya kementerian itu punya. Maybe kita sikit lah ada rasa macam confidence level tu tinggi sikit lah kan. Boleh cakap okay yes, kita dah 90%, 95% something like that. Itulah kita punya cabaran utama di dalam accrual accounting. Seterusnya sikit pasal digitalisasi dalam perekonan sektor awam seperti yang saya maklum tadi. Seiring dengan perkembangan trend global ke arah digital dan keperluan untuk memperkukuhkan perusahaan keuangan dan sektor awam.
- 1:27:16 : AGD turut bergerak seiring dengan arus transformasi teknologi melalui beberapa inisiatif utama yang menjadi tonggak kepada pemodenan sistem keuangan kerajaan. Plan strategi AGD dengan tema digital finance and accounting, plan strategi kita untuk tempoh 5 tahun 2026 hingga 2030 dengan tema digital finance and accounting telah dilaksanakan bagi melonjak transformasi institusi ke arah keuangan dan perakaunan digital.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:27:47 : Pihak AGD telah melaksanakan pendigitalan proses keuangan melalui pembangunan sistem yang saya sebut tadi IGMAS ataupun integrated government financial and management accounting system. Sistem ini merupakan sistem bersepadu pengurusan keuangan dan perakaunan kerajaan persekutuan yang telah digunakan secara menyeluruh pada 1 Januari 2018. Sistem ini menyokong keseluruhan perkhidmatan keuangan dan perakaunan kerajaan yang merakumi pembayaran, terimaan, perakaunan aset dan pelaporan serta penyediaan penyata keuangan iaitu yang saya sebut tadilah dual ledger equal dan juga cash basis. Cuma sistem kita ini, dari segi budget itu kita interface dengan budget bahagian, budget dekat MOF untuk dapatkan information dari segi formulation of budget itu sendiri. Dilaksanakan di MOF dibawah bahagian budget dan bila dia dah dapat final figure tu every year.
- 1:28:58 : Setiap tahun, awal tahun kita akan integrate daripada sistem budget itu kepada IGMAS ini untuk nak masukkan budget itu dalam sistem. Kita tidak menyediakan platform untuk mereka menyediakan budget di dalam IGMAS. Itu sahaja yang, tapi dia integrate walaupun kita tak menyediakan platform tapi dia boleh di integrate dengan IGMAS. Sebab kita perlukan budget information itu. Sebab kontrolnya dalam IGMAS ni bila tak ada budget, kita tak boleh belanja. Kontrolnya kat situ dan berdasarkan kajian-kajian empirical mengenai bentuk sistem maklumat pada keuangan yang berkesan, ia mesti mengambil kira beberapa ciri penting dan skopnya iaitu broad dan tepat. Pada masanya aggregated dan juga integrated semua dimensi ini terdapat dalam pembangunan sistem IGMAS yang menjadikan keseluruhan proses pengusahaan lengkap dengan fungsinya untuk menghasilkan maklumat keuangan bagi tujuan pelaporan dan pembuatan keputusan.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:30:08 : Fakta sikit lah berkaitan dengan IGMAS ini. Sistem ini digunakan oleh 4,487 pusat tanggungjawab. Pusat tanggungjawab ni adalah pejabat yang membuat pembayaran. Kita bagi pusat tanggungjawab di semua jabatan dan kementerian federal sahaja. Sebab sistem ini untuk federal government sahaja. Kita ada 4,487 pusat tanggungjawab dan 52 pejabat perakaunan. Pejabat perakaunan tu AG office lah, which is yang berada di kementerian, di negeri cawangan dan satu, di semua kementerian. Maksudnya kita ada kementerian, ada berapa? 27 kita ada di negeri, 13 kan? dan juga kita ada cawangan. Berapa cawangan? tapi totalnya 52 lah cawangan kita Sabah dan Sarawak.
- 1:31:10 : Banyak cawangan, macam Sarawak, Sabah. Contohnya kita ada Labuan, Keningau, Sandakan Tawau. Kalau dekat Sarawak kita ada Bintulu, Limbang, Miri, Sibul, Sri Aman, Sarikei, dan Kapit. Kapit itu pun ada pejabat kita kalau dulu sebelum ni pergi Kapit diorang kata naik bot. Tapi sekarang saya baru pergi sebelum puasa hari tu dah ada jalan. Borneo tu separuhnya naik Borneo lah, sebagian besarnya jalan bertar lah. Memang dah boleh pergi. Dah boleh dihubungi dengan kenderaan lah. Kalau sebelum ni memang naik bot je lah nak pergi Kapit tu dan kita tetap ada pejabat kat sana dan ada pengarah. Tuan Haji Nasran pernah, adalah pengarah yang membuka pejabat Bintulu pada tahun 1984, sorry 1994. Tuan Haji Nasran buka pejabat Bintulu.
- 1:32:16 : Kalau yang masuk AG tu zaman saya dulu lah, sebab saya Tuan Haji Nasran, En. Tarmizi. So bila masuk AG, yang lelaki lah. Dia tengok lelaki ini pergi Sabah, Sarawak tambah bujang kan. Bujang lagi lah senang pergi Sabah, Sarawak. Tapi betul pergi Sabah, Sarawak pengalaman itu lah, pengalaman mengendalikan satu pejabat dengan pelbagai environment lah. Dekat rural macam tu kan macam banyak cabaran lah, so pengalaman tu lah mengajar kita, me-matured kan kita dan IGMAS ini juga. DSS user dia adalah sebanyak 70,665 user dan berintegrasi dengan 126 agensi.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:33:06 : Maksudnya agensi kat sini lah macam contoh e-bantuan kan, e-bantuan untuk JKM. Bank, kita berintegrasi dengan bank, agensi potongan agensi puka dengan MAS, AirAsia dan sebagainya. 126 agensi yang berintegrasi dengan IGMAS dan kita berupaya. Sistem ini berupaya memproses emolumen, bayaran emolumen untuk pejabat awam sebanyak 1.2 juta dan kat sini dia menyelenggara 85.6 juta subsidi. Tapi wang tak dituntut. wang tak dituntut memang subsidi dia besar dan memang kita ada satu sistem untuk wang dituntut. Tapi dia boleh berintegrasi dengan IGMAS. Sistem kami ini disifatkan sebagai satu sistem yang kritikal lah. Kalau ada trigger sikit, apa-apa memang diberi prioriti. Maksudnya kalau kita approach mana-mana agensi yang berkaitan pun, kalau katalah contohnya kalau ada ikat mereka akan bagi prioriti.
- 1:34:14 : Sebab kita ini adalah image negara. If anything happen, itu adalah image. Buatnya kata, contoh kan, tak boleh buat bayaran hari ini, satu hari. Satu dunia heboh kot kalau kita tak boleh buat bayaran dalam masa satu hari. Memang sistem ini di consider sebagai sistem yang kritikal oleh pihak Jabatan Digital Negara dan kami diberi priority untuk apa-apa. Untuk memastikan ianya dapat berjalan dengan lancar dan di samping sistem IGMAS. Suka juga saya nak berkongsi, kami di AGD ni orang kata bermurah hati. Bukan tanggungjawab kamilah. Kami juga menyediakan beberapa sistem yang lain termasuknya sistem ISPAC yang digunapakai oleh kerajaan negeri.
- 1:35:06 : Kerajaan negeri masing-masing dia menggunakan ISPAC yang mana ISPAC ini pembangunannya dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara dan sampai sekarang maintenancenya pun dipantau oleh Jabatan Akauntan Negara. Di samping itu kita juga ada sistem yang digunapakai oleh (embasi kita dekat luar negara yang kita panggil ISPLN. Sistem perakaunan luar negeri yang mana ia digunapakai oleh 156 PTJ di luar negara, dan melibatkan 80 negara. Sebab 1 negara itu mungkin lebih daripada 1 PTJ.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:35:49 : The beauty of ISPLN ini dia satu sistem yang integrated tetapi dia boleh membuat pembayaran dalam pelbagai currency. Kalau dekat US dia pakai US dollar, kalau dekat euro dia pakai euro dan sebagainya. Bergantung kepada negara-negara tersebut. Dia boleh membayar dalam pelbagai currency menggunakan satu sistem yang sama dan of course sistem terbaru yang kami launch tahun lepas. Tahun lepas sistem ini dilancarkan ataupun dilancarkan oleh PMX iaitu iPayment. Sebenarnya iPayment ni adalah satu sistem kutipan yang which is membantu jabatan ataupun agensi yang tak ada sistem kutipan masing-masing.
- 1:36:41 : Tetapi sebabkan dekat government ni kalau kita panggil manual tu dia kena tulis resit manual tu lah instead of manual tu kita nak computerise kan juga terimaan di jabatan-jabatan tersebut, kita memperkenalkan iPayment. Sikit lagi saya nak kongsi. Satu lagi yang saya nak kongsi dengan adik-adik semua. Kami di AGD ini memanfaatkan penggunaan process automation, RPA bagi mengautomasikan proses kerja yang bersifat rutin ataupun berulang. Which is yang selama ni kita buat secara manual, contohnya nak semak laporan dan sebagainya.
- 1:37:49 : Instead of semakan itu secara manual, kita automate kan dia supaya kita tak payah buat. Kerja tu dibuat secara RPA ini lah, secara automatik dan kita just tengok sajalah result dia. So dia boleh save masa kat situ. Salah satu automation yang saya nak share yang kita buat dekat AGD adalah semakan untuk WTD itu, wang tak dituntut. Kalau kita buat semakan itu secara manual, ambil masa satu borang permohonan WTD, wang tak dituntut ini, dia ambil masa dalam lebih kurang semakan dan preparation untuk pembayaran WTD itu, dia ambil masa dalam lebih kurang 20 minit. Untuk staff kita buat semakan dokumen yang dapat, lepas tu nak key in untuk bayaran dan sebagainya, ambil masa 20 minit.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:38:43 : So bila kita menggunakan RPA, it just take about 2 minit. 2 minit sahaja. So itu adalah inovasi-inovasi yang kita nak memperkasakan teknologi di dalam urusan seharian kita lah untuk menyahut cabaran, menyahut seruan daripada PMX. Untuk nak mengadaptasikan teknologi di dalam proses harian dan maybe saya pergi kepada sikit lah, sikit lagi berkaitan dengan. Suka saya nak kongsi dengan adik-adik semua berkaitan dengan standard, piawaian. Tadi saya ada sebut dah, kita di AGD, kita telah menggubal MPSAS yang diadaptasikan daripada IPSAS.
- 1:39:41 : Satu lagi yang kita produk AGD adalah Piawaian Perakaunan Islam, PPI. Piawaian Perakaunan Islam ini kita gubal untuk kemudahan majlis agama Islam. Untuk kegunaan majlis agama Islam negeri dan juga pusat-pusat (penggunaan zakat dan juga wakaf menggunakan piawaian ini di dalam presentation of financial statement mereka dan yang interestingnya piawaian ini tak pernah ada di mana-mana di dunia ini. Kkami merupakan jabatan pertama di dunia yang mengeluarkan piawaian ini.
- 1:40:36 : PPIBZW dan piawaian ini actually kami develop. It takes about 10 years to develop starting daripada kajian yang which is saya rasa awal-awal dulu kajian kami dilaksanakan oleh beberapa universiti tempatan untuk nak tengok gap analysis dan akhirnya pada tahun 2025 kami telah selesai menggubal empat fasa untuk piawaian ini. Pertama fasa untuk financial statement, presentation of financial statement. Yang kedua asset, yang ketiga belanja, yang kedua asset liability, yang ketiga belanja, yang keempat pendedahan-pendedahan lain. Pendedahan lain ni maksudnya apa yang kita nak letakkan dalam kita punya notes account tu lah yang which is specific kepada majlis agama Islam tersebut.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:41:38 : Sebab tujuan utama kita gubal PPI ini adalah untuk keseragaman presentation of financial statement tersebut. Sebab bila kajian dilaksanakan, kita dapati setiap negeri itu presentation of financial statementnya berbeza dan susah untuk nak buat comparison. Audit pun susah nak tengok sebab masing-masing ikut hala tujuan masing-masing, ikut fatwa masing-masing, ikut siapa yang kat atas waktu itu. Jadi ikutlah apa arahan yang diberi. So untuk seragamkan, untuk memudahkan pihak audit, untuk nampak pengauditan dan juga untuk memudahkan untuk mana-mana pengkaji nak buat kajian ataupun nak buat analisa yang satu financial statement yang standard. So kita keluarkan standard ini dan standard ini siap 100% pada penghujung tahun lepas 31 Disember.
- 1:42:39 : Along the way untuk nak menyiapkan financial standard ini dia bukan setakat kita duduk bincang-bincang dan tulis dan approve. Tidak. Kita akan ada satu kita panggil jawatankuasa syariah untuk memastikan kita tidak terkeluar daripada fatwa sebab setiap negeri dia ada fatwa masing-masing. Kita kata kita cuma sediakan yang standard yang standard lah, kalau fatwa tu you boleh follow fatwa tu but kena letak dalam pendedahan tu, dalam notes account. Saying that ok, berdasarkan fatwa yang dikeluarkan ni, ini dia punya cara dia macam contoh salah satu contoh yang simple. Kadar fitrah, zakat fitrah tu, berbeza kan setiap negeri. Dia boleh letak dalam pendedahan tu lah dan untuk memastikan semua negeri atau agensi menggunakan piawaian ini of course kami di AG kami tak ada kuasa untuk nak mengarahkan negeri. Sebab negeri dia punya ketua agamanya adalah sultan masing-masing kan. Dan untuk memastikan mereka menggunakan piawaian ini, kita telah bentangkan piawaian ini di dalam MKI. Mesyuarat Kebangsaan Islam yang dipenguruskan oleh Raja Nazrin, Raja Perak. Dan telah diluluskan untuk dibawa ke Mesyuarat Raja-Raja dan saya telah bentangkan di Mesyuarat Raja-Raja pada bulan Oktober yang lepas.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:44:28 : Dan Alhamdulillah Mesyuarat Raja-Raja bersetuju supaya Majlis Agama Islam Negeri mengguna pakai piawaian ini. Dan setakat hari ni hanya Pahang je yang belum pakai. Siapa orang Pahang kat sini? Adik-adik nanti bila dah jadi akauntan di Negeri Pahang mungkin boleh jelaskan. So Pahang sahaja, yang lain semua dah guna pakai tapi mereka guna pakai berfasa. Dan piawaian ini pun kita telah kongsi development of piawaian ini di peringkat antarabangsa. Yang mana one of our staff telah present dekat persidangan zakat di Morocco pada tahun lepas dan kami menerima banyak permintaan daripada negara-negara Islam di luar sana yang nak berkongsi. Untuk mereka berkongsi dengan kita untuk mereka adaptkan di negara masing-masing.
- 1:45:28 : So kita open, kita boleh bagi. Ini adalah untuk semua, bukan untuk Malaysia sahaja, untuk dijadikan basis kepada mereka. Sebab mereka boleh sesuaikan dengan keadaan di negara masing-masing. Itu adalah PPIBZW tadi ada soalan pasal modal insan. Macam mana nak sustain dalam dunia yang Prof tanya tadi kan, dalam dunia yang geopolitiknya bercelaru sekarang ini. Kami di Jabatan Akauntan Negara sebenarnya dalam dalam BSP yang kami garapkan untuk tempoh 5 tahun itu kami ada masukkan juga pembangunan modal insan. Yang mana dalam persekitaran yang tidak menentu organisasi yang berjaya hanya dapat bertahan melalui keupayaan mereka untuk bertindak balas dengan cepat terhadap cabaran tersebut.
- 1:46:38 : Kita di AG, i am proud to say that accountants, kami ada seramai 1047 orang accountants di bawah Jabatan Akauntan Negara. Seramai 372 accountants kami telah lulus dalam program pengajian dalam badan profesional. So meaning only one third of our accountants adalah accountants professional. On top of that, kami diwajibkan untuk mendapat CA ataupun member of MIA. Itu wajib bagi kami sebab kalau tak jadi, kalau tak dapat member of MIA itu, CPA, CA itu. Kalau tak dapat, memang tak ada peluang untuk naik pangkat.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

- 1:47:26 : So salah satu untuk kenaikan pangkat, mereka perlu register dengan MIA sebagai CA. Itu dari segi bagaimana kita cuba upskilling, reskilling. Di samping itu, mungkin kita dalam projek kita nanti untuk kolaborasi. Mungkin kita ke arah inilah, bagaimana nak mantapkan lagi human resource di AGD ini. So kita punya target kami di AGD punya target kami cuba untuk nak upskill kita punya staff ini berdasarkan kepada keadaan semasa. Kalau kita tengok keadaan semasa ini banyak kita punya perakaunan itu debit, kredit itu dah tak ada sebab taken over by the machine. So apa yang perlu ada pada diri kita adalah kita perlu sesuaikan dengan keadaan semasa.
- 1:48:28 : So oleh itu IPN dan juga IPNCPD samalah, satu department kan, banyak menyediakan kursus-kursus untuk pembangunan badan insan. Contohnya kita collaborate dengan luar seperti data analytic, kita berkolaborasi dengan ICAW data analytic dan juga ACL, apa lagi, RPA dan sebagainya. So kita buka kursus-kursus ini kepada semua pegawai-pegawai kita, tak kira gred. Kita ada accountant, penulis accountant dan juga pembantu dan, I am proud to say juga kita dekat AGD ini kita ada di dalam membangunkan RPA itu. Kita ada center of excellence dan kita ada 52 citizen developer yang kita dah train dan setakat hari ini kita ada 32 proses kerja yang telah kita automate setakat hari ini.
- 1:49:38 : So kita gunakan kepakaran dalaman itu untuk nak mengautomasikan mana-mana proses kerja yang manual. So di samping kita tumpukan kepada technical punya kompetensi, kita tak lupa juga untuk soft skill. Sebab untuk develop future leader apa semua, kita dah garapkan dalam satu training roadmap yang melibatkan semua gred, yang mana kita tengok kalau yang gred contohnya penolong, pembantu ataupun accountant junior barulah, less than 10 years. Baru kita training dia more on technical but untuk senior kita cuba dedahkan kepada soft skill supaya bila mereka menjadi leader.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

DK300, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor

13 April 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBhg. Dato. Zainani Jusoh

Tajuk Fakulti Perakaunan

Jangka masa : 2 jam 6 minit

Transkrip:

1:50:30 : Ini adalah salah satu untuk kita nak ready untuk future leader supaya bila mereka menjadi leader nanti mereka ada dua-dua skill ini, soft skill dan juga technical skill. So saya rasa saya tak boleh nak habiskan semua. Maybe kita boleh jumpa di lain siaran. So sebagai penutup saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UiTM atas ruang dan peluang yang diberikan untuk saya berkongsi pengalaman. Mudah-mudahan maklumat dan ilmu yang telah diperolehi oleh adik-adik sekian menjadi satu titik tolak untuk adik-adik menanam semangat untuk menjadi seorang accountant. Sama ada accountant di sektor awam ataupun di sektor swasta. Sekian wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum w.b.t.